

Abstrak

Kajian ini cuba mengkaji kesilapan morfologi yang dilakukan oleh pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Jelutong (SMKJ). Data primer kajian ini diperolehi menerusi cara mengumpul sampel-sampel esei yang ditulis oleh pelajar SMKJ untuk dikaji. Sampel-sampel esei itu kemudiannya dianalisis oleh pengkaji untuk melihat jenis kesilapan yang dilakukan oleh mereka. Di sini pengkaji melakukan pengiraan kekerapan atau frekuensi dan pengiraan peratusan untuk mengira kesilapan yang dilakukan. Pendek kata kaedah diskriptif digunakan. Selain itu pengkaji juga mengedat borang soal selidik untuk diisi oleh responden pengkaji. Tambahan itu pengkaji juga menggunakan kaedah temu bual responden dan temu bual informan untuk mendapat maklumat yang lebih terperinci. Responden pengkaji adalah terdiri daripada pelajar SMKJ yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan informan pengkaji adalah terdiri dari guru bahasa Melayu sekolah ini. Kaedah pemerhatian juga digunakan oleh pengkaji untuk melihat tindak tanduk pelajar sekolah ini semasa kelas mata pelajaran bahasa Melayu dijalankan. Hasil dapatan pengkaji ialah pelajar sekolah ini banyak menghadapi masalah dalam aspek pengimbuhan. Hasil dari kajian sampel-sampel esei itu pengkaji mendapati terdapat 286 kesilapan dilakukan. Didapati kesilapan imbuhan menyumbang sebanyak 106 kesilapan atau 37% yang merupakan penyumbang terbesar dalam jumlah keseluruhan kesilapan yang dilakukan. Kesilapan ejaan hanyalah sebanyak 24 kesilapan atau 8% daripada jumlah keseluruhan kesilapannya. Ini bermakna 45% kesilapan yang terdapat dalam sampel esei yang dikaji

adalah disumbangkan dari aspek morfologi. Masalah aspek morfologi ini banyak disumbangkan oleh kesilapan penggunaan imbuhan apitan diikuti oleh kesilapan penggunaan imbuhan awalan dan kesilapan penggunaan akhiran. Antara punca-punca yang menyumbangkan kepada masalah ini ialah pelajar tidak mempunyai asas yang kukuh dalam bahasa Melayu, buku teks yang tidak sesuai, pengaruh bahasa ibunda, pengaruh media massa, pelajar kurang berminat dalam mempelajari bahasa Melayu, sukatan pelajaran bahasa Melayu yang tidak sesuai, pelajar kurang memberi perhatian dan kecuaiian pelajar. Akhirnya beberapa langkah atau cara yang boleh diambil untuk mengatasi masalah ini telah dicadangkan oleh pengkaji.

Abstract

The aim of this research is to analyze errors in morphology made by students from Sekolah Menengah Kebangsaan Jelutong, Penang (SMKJP). The primary data consist of sample essays written by these students. Frequency count and percentage calculation are used to calculate these errors. In other words, descriptive statistics are used in the analysis of data. Besides this, a questionnaire survey is conducted by the researcher to get additional information about the students. In addition, the researcher also interviewed both the respondents and the informants who participated in this study. The respondents are the students of SMKJP who took the Sijil Pelajaran Malaysia trial exam, and the informants are the teachers who taught them bahasa Melayu in school. The researcher also observed some classes where the respondents were taught by the informants. The findings of the study indicate that students have great difficulty in the use of affixes in bahasa Melayu. A sum of 286 errors were found in the sample essays analyzed by researcher. Most of the errors concern the use of affixes which totaled 106 errors or 37%. Only 24 errors or 8% are spelling errors. This means that 45% of the total errors are in the area of morphology. The break down of errors in affixation reveal that the highest frequency lies in errors in words containing a prefix and a suffix (prefix+word+suffix), followed by prefix+word only, and word+ suffix only. Some of the factors that contributed to this problem include the lack of a strong foundation in bahasa Melayu, especially in the use of affixes, textbook syllabi that do not reflect or emphasize the teaching and learning of affixes which is very productive in

word formation in bahasa Melayu, mother tongue influence and interference, mass media influence, students' disinterest and hence lack of attention in the language class, and carelessness. Steps to overcome this problem are suggested.